



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



**PERSEKITARAN BERTUTUR BAHASA ARAB DI SEKOLAH
RENDAH AGAMA INTEGRASI (SRAI) SELANGOR**

*THE ARABIC-SPEAKING ENVIRONMENT IN INTEGRATED RELIGIOUS
PRIMARY SCHOOL (SRAI) SELANGOR*

Mohammad Syukri Abdul Rahman¹, Saupi Man², Muhammad Daoh³, Md Noor Hussin⁴,
Azammuddin Zainuddin⁵, Yaakob Hasan⁶, Khairatul Akmar Ab. Latif⁷, Zarith Sofea Zulkefli⁸

¹ Faculty of Islamic Studies and Civilization, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia
Email: msyukri@uis.edu.my

² AbdulHamid AbuSulayman Faculty of Revealed Knowledge and Human Sciences, Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Malaysia
Email: saupi@iium.edu.my

³ Faculty of Education and Social Sciences, Universiti Selangor (UNISEL), Malaysia
Email: muhammad66@unisel.edu.my

⁴ Faculty of Islamic Studies and Civilization, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia
Email: mdnoor@uis.edu.my

⁵ Education Management Sector, Islamic Education Division, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Malaysia
Email: azammuddin@jais.gov.my

⁶ Kuliyyah of Education, Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Malaysia
Email: yaakob@iium.edu.my

⁷ Faculty of Islamic Studies and Civilization, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia
Email: khairatulakmar@uis.edu.my

⁸ Faculty of Education, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia
Email: zarithsofea26@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 28.06.2025

Revised date: 14.07.2025

Accepted date: 28.08.2025

Published date: 22.09.2025

To cite this document:

Abdul Rahman, M. S., Man, S., Daoh, M., Hussin, M. N., Zainuddin, A., Hasan, Y., Ab. Latif, K. A., &

Abstrak:

Faktor persekitaran berupaya meningkatkan pencapaian pelajar dalam memahami isi pembelajaran serta dapat meningkatkan tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab. Persekitaran pembelajaran yang sesuai lagi kondusif juga memainkan peranan penting dalam penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab pelajar. Namun dalam realiti pembelajaran bahasa Arab, walaupun para pelajar telah banyak didedahkan dengan pelbagai kaedah pembelajaran serta buku teks yang menarik, namun aspek pertuturan seringkali menjadi cabaran kerana pelajar sering berasa tidak yakin, tidak fasih dan kurang penguasaan kosa kata rentetan daripada persekitaran pembelajaran

Zulkefli, Z. S. (2025). Persekitaran Bertutur Bahasa Arab Di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor. *International Journal of Modern Education*, 7 (26), 1166-1177.

DOI: 10.35631/IJMOE.726076

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



yang masih lagi kurang memberi impak yang maksimum terhadap penguasaan kemahiran bertutur. Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau persekitaran bertutur bahasa Arab dalam kalangan murid di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor. Bagi memperoleh data, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menemu bual guru-guru bahasa Arab yang berpengalaman seramai 8 orang dari Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor yang mewakili setiap daerah di Negeri Selangor. Hasil dapatan menunjukkan bahawa tahap kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar dan persekitaran sekolah masih memerlukan kepada penambahbaikan dalam meningkatkan penguasaan kemahiran bertutur. Oleh itu, usaha dalam mewujudkan persekitaran bertutur bahasa Arab di sekolah ini dapat dilaksanakan dengan jayanya melalui kerjasama semua pihak yang terlibat.

Kata Kunci:

Persekitaran Bertutur Bahasa Arab, Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor.

Abstract:

Environmental factors are capable of enhancing students' achievement in understanding learning content as well as improving their mastery of Arabic speaking skills. A suitable and conducive learning environment also plays a crucial role in students' acquisition of Arabic speaking proficiency. However, in the reality of Arabic language learning, even though students have been widely exposed to various learning methods and interesting textbooks, speaking skills often remain a challenge because students frequently feel insecure, lack fluency, and have limited vocabulary. This is largely due to a learning environment that has yet to provide maximum impact on the mastery of speaking skills. The purpose of this study is to examine the Arabic-speaking environment among pupils in Integrated Religious Primary Schools (SRAI) in Selangor. To collect data, this study employed a qualitative method by interviewing eight experienced Arabic language teachers from SRAI representing each district in the state of Selangor. The findings indicate that students' Arabic speaking proficiency and the school environment still require improvement in order to enhance mastery of speaking skills. Therefore, efforts to establish an Arabic-speaking environment in these schools can be successfully implemented through the cooperation of all parties involved.

Keywords:

Arabic-Speaking Environment, Integrated Religious Primary Schools (SRAI) Selangor

Pendahuluan

Persekitaran boleh diterjemahkan di dalam konteks persekitaran pembelajaran yang mana merupakan tempat berlakunya proses pembelajaran (Mohd Albaree Abdul et al., 2003). Menurut Marinah Awang, Mohd Ezrizal Zakaria dan Ramlee Ismail (2018), persekitaran pembelajaran adalah merupakan tempat berlakunya proses pembelajaran yang melibatkan konteks sosial, psikologikal mahupun pedagogikal. Oleh itu, persekitaran adalah merupakan satu elemen yang dapat mempengaruhi seseorang itu untuk menguasai sesuatu bidang dan juga kemahiran dengan baik. Persekitaran bertutur bahasa Arab pula merupakan antara salah satu persekitaran pembelajaran yang sentiasa memainkan peranan penting bagi memastikan penguasaan bahasa tersebut dapat dikuasai dengan baik dalam kalangan murid khususnya bagi murid yang mengambil matapelajaran bahasa Arab di sekolah.

Namun, isu yang berlaku persekitaran bahasa Arab di semua peringkat pengajian di Malaysia masih tidak membantu murid-murid dalam penguasaan bahasa tersebut. Isu persekitaran pembelajaran bahasa Arab dibelenggu permasalahan seperti kekurangan bahan material pembelajaran, kesesuaian buku teks, kekurangan kepakaran guru, persekitaran bahasa yang kurang kondusif dan lemah penguasaan kosa kata yang masih menggunakan metod nahu terjemahan (Azman & Goh, 2010). Isu ini berlarutan walaupun pihak Kementerian Pendidikan telah berusaha keras dalam mengembangkan kurikulum, buku teks dan latihan guru. Maka persekitaran menjadi kayu ukur kepada pencapaian pendidikan bahasa Arab. Banyak kajian telah dijalankan namun ruang ke arah penambahbaikan sentiasa terbuka.

Dapatan menunjukkan, sama ada melibatkan panduan atau pemulihan, persekitaran bahasa Arab sangat penting dalam memastikan kejayaan pengajaran bahasa tersebut khususnya di peringkat sekolah rendah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat persekitaran bahasa Arab dalam kalangan murid Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor.

Sorotan Kajian

Umumnya, pengajaran bahasa Arab di Malaysia meletakkan matlamat membolehkan murid menguasai empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Tidak dinafikan juga bahawa kemahiran bertutur merupakan antara kemahiran yang amat penting daripada keempat-empat kemahiran tersebut untuk menguasai sesuatu bahasa. Memandangkan elemen utama untuk menguasai sesebuah bahasa itu adalah dengan menekankan kepada kemahiran bertutur, maka para pendidik khususnya dalam kalangan guru bahasa perlulah menekankan elemen bertutur sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran, memberikan galakan serta dorongan kepada murid-murid (Yaakob Hasan et al., 2022).

Akan tetapi, masih terdapat kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti oleh sarjana dan penyelidik terdahulu berkaitan dengan penguasaan kemahiran bertutur. Menerusi kajian Nurul Afiqah Mohd Rizan dan Harun Baharudin (2021) yang mengkaji tentang *Tahap Pengetahuan Kosa Kata Dan Pencapaian Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Pelajar Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Selangor* bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan kosa kata dengan pencapaian kemahiran bertutur bahasa Arab pelajar di peringkat SABK negeri Selangor. Dapatan kajian yang diperolehi mendapati hubungan antara tahap pengetahuan kosa kata dan pencapaian kemahiran bertutur bahasa Arab pelajar dalam kajian ini berada pada tahap rendah, namun kebanyakan pelajar mempunyai keyakinan dan semangat yang agak tinggi terhadap kemahiran bertutur. Melalui penerangan tersebut, jelaslah bahawa penilaian ke atas tahap pengetahuan kosa kata perlu diterapkan serta diteruskan secara berkala bagi memastikan pelajar dapat dibiasakan dengan kosa kata bahasa Arab.

Penguasaan terhadap kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar perlulah bermula dengan guru yang mahir dan berkemahiran tinggi dalam bertutur bahasa Arab. Perkara ini dapat dilihat dalam kajian Adnan Mat Ali, Mohamad Syukri Abd Rahman, Mohd Izzuddin Mohd Pisol dan Ahmad Ismail (2017) yang telah melaksanakan kajian berkenaan dengan Pelaksanaan Kemahiran Bertutur Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa amalan kemahiran yang diterapkan oleh guru di dalam kelas dan secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana tinggi. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan guru kurang menekankan kemahiran bertutur dalam proses pengajaran bahasa Arab. Kajian ini menunjukkan bahawa, proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab amat memerlukan pendekatan komunikatif yang pelbagai kerana bahasa

merupakan alat perhubungan komunikasi. Oleh itu, penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab perlulah ditekankan dari sudut pelaksanaan pendekatan komunikatif yang lebih komprehensif adalah bermula daripada guru yang berkemahiran tinggi dalam memupuk budaya bertutur bahasa Arab.

Dewasa ini, masih ada segelintir golongan pendidik yang masih kurang menguasai bidang mereka bahkan tidak mempunyai iktisas dalam matapelajaran yang mereka sampaikan. Hal ini boleh dilihat menerusi kajian Kamarulzaman Abdul Ghani, Ahmed Thalal Hj Hassan, Ahmad Abdul Rahman, Mohd Aderi Che Noh, Muhd Zahiri Awang Mat, Zawawi Ismail, Azmil Hashim, Saifuddin Hussin, Rohaidi Habil dan Siti Apipah Munirah Salleh (2018) yang bertajuk Persekitaran Bahasa Arab Dalam Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini di SABK. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap persepsi guru terhadap prasarana dan komunikasi bahasa Arab di sekolah adalah pada tahap sederhana. Manakala dapatan mengenai persepsi pelajar juga adalah pada tahap yang sederhana. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa hasrat bagi merealisasikan aspirasi pelaksanaan kurikulum ini adalah pada tahap yang kurang memuaskan. Justeru itu, tahap penguasaan guru memberi pengaruh yang amat besar kepada tahap kefahaman para pelajar.

Pendekatan komunikatif dapat dilaksanakan dengan baik apabila seseorang guru itu mampu berinteraksi dengan para pelajar dengan menggunakan kaedah pengajaran yang tepat dan menarik. Perkara ini boleh dilihat menerusi kajian daripada Nurul Ain Hasan, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff dan Fariza Khalid (2022) berkenaan dengan Kaedah Pentaksiran Bagi Kemahiran Lisan Dalam Pengajaran Bahasa Arab Sekolah Rendah. Dapatan kajian memaparkan bahawa guru telah melaksanakan pentaksiran kemahiran lisan dalam bilik darjah dengan kepelbagaian teknik beserta kaedah pengajaran yang menarik dan menyeronokkan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Oleh yang demikian, untuk memperoleh persekitaran bertutur bahasa Arab yang lebih berkesan, guru perlulah diberikan pendedahan melalui pembangunan model ataupun kaedah pendekatan yang lebih tepat dalam memupuk persekitaran pembelajaran yang baik dan berkesan. Hal ini kerana, guru-guru bahasa Arab merupakan penggerak dan tonggak utama dalam menjayakan usaha untuk mewujudkan persekitaran bertutur bahasa Arab sama ada di dalam dan juga di luar kelas.

Maka, sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan model memainkan peranan yang amat penting supaya guru-guru bahasa Arab dapat diberikan panduan yang lebih berstruktur dan terancang serta mampu mendatangkan hasil pembelajaran yang berkesan. Dengan adanya pembangunan model juga, persekitaran bertutur bahasa Arab dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan komprehensif.

Metodologi Kajian

Kajian ini memfokuskan tajuk berkaitan persekitaran bertutur Bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama Integrasi (Srai) Selangor. Ia menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Bilangan informan dalam kajian ini adalah seramai lapan orang iaitu terdiri daripada guru-guru bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama Integrasi bagi zon utara, zon tengah dan zon selatan di Negeri Selangor. Penyelidik menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menemu bual guru-guru bahasa Arab Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor. Kesemua informan ini telah diterangkan terlebih dahulu berkenaan tujuan kajian dijalankan dan mereka bersetuju menjadi subjek kajian secara sukarela.


Persampelan bukan kebarangkalian melalui jenis pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan dalam kajian ini. Pensampelan bertujuan dilakukan bagi mendapatkan data. Peserta kajian adalah daripada kalangan guru-guru bahasa Arab yang mempunyai ciri-ciri yang telah ditetapkan. Ini adalah kerana ciri-ciri fleksibiliti sesuai dalam meneroka dan mengkaji makna di sebalik pengalaman peribadi peserta kajian. Persampelan ini dipilih bagi memahami secara mendalam fenomena yang dikaji dengan cara memilih kelompok manusia secara teliti dan bertujuan iaitu dalam kalangan guru bahasa Arab. Pemilihan individu-individu tersebut dapat memperlihatkan kepelbagaian maksud pengalaman yang mereka alami. Oleh itu, pensampelan bertujuan adalah amat relevan digunakan dalam kajian kualitatif.

Dalam konteks kajian yang dilakukan, kriteria peserta kajian adalah seperti berikut :

- i. Berpengalaman dalam pengajaran bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama Integrasi Selangor lebih dari lima tahun.
- ii. Mempunyai kelulusan dalam bidang pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau dalam bidang Bahasa Arab sekurang-kurangnya di peringkat diploma.
- iii. Mengikuti kursus pengajaran bahasa Arab sekurang-kurangnya 5 kali bagi guru-guru yang mempunyai kelulusan dalam bidang bahasa Arab.
- iv. Terlibat dengan murid di peringkat awal, pertengahan dan akhir di peringkat sekolah rendah.
- v. Guru-guru Bahasa Arab yang terdiri daripada daerah-daerah yang mewakili Selangor.

Manakala lokasi bagi kajian pula, dua orang yang dipilih mewakili zon utara iaitu di Daerah Kuala Selangor dan Daerah Sabak Bernam. Bagi zon tengah pula, tiga orang telah dipilih mewakili daerah Klang, daerah Petaling Jaya dan juga daerah Gombak. Seterusnya bagi zon selatan pula, tiga orang telah dipilih untuk mewakili daerah Sepang, daerah Hulu Langat dan juga daerah Kuala Langat.

CARTA ALIR PROSES KAJIAN



Analisis dan Dapatan Kajian

Bahagian ini menerangkan dapatan kajian yang diperolehi daripada hasil temu bual yang telah dijalankan. Kajian ini dijalankan bagi melihat persekitaran bertutur bahasa Arab di setiap sekolah yang terpilih.

Informan	Umur	Pencapaian Pendidikan	Sekolah Rendah Agama Integrasi	Pengalaman kerja
Informan 1	50 tahun	Diploma	Salak Tinggi	>10 Tahun
Informan 2	50 tahun	Ijazah Sarjana Muda	Bandar Baru Bangi	>10 Tahun
Informan 3	45 tahun	Diploma	Sungai Manggis	>10 Tahun
Informan 4	37 tahun	Ijazah Sarjana Muda	Sungai Chinchin	>10 Tahun
Informan 5	46 tahun	Diploma	Bandar Baru Kuala Selangor	>10 Tahun
Informan 6	48 tahun	Diploma	Klang	>10 Tahun
Informan 7	54 tahun	Diploma	Sabak Bernam	>10 Tahun

Informan 8	44 tahun	Diploma	Shah Alam	>10 Tahun
------------	----------	---------	-----------	-----------

Jadual 1 : Demografi Guru Bahasa Arab Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI)

Jadual 1 menunjukkan latarbelakang informan yang terdiri daripada guru-guru bahasa Arab yang terpilih di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI). Berdasarkan kepada jadual diatas, purata umur bagi keseluruhan informan adalah diantara 40 hingga 50 tahun. Manakala bagi pencapaian pendidikan pula, keseluruhan informan memperoleh pencapaian pendidikan tertinggi adalah di peringkat Diploma kecuali bagi informan 2 dan 4 memperoleh pencapaian tertinggi di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Dari sudut pengalaman menjadi seorang guru bahasa Arab, keseluruhan daripada informan telah mencapai lebih 10 tahun perkhidmatan.

Penggunaan Bahasa Arab Dalam Pengajaran

Berdasarkan hasil temu bual, menurut informan 1, 4, 5, 6, 7 dan 8 menyatakan penggunaan bahasa Arab dalam pengajaran adalah dengan menggunakan dwibahasa iaitu bahasa Melayu dan juga bahasa Arab. Ini berdasarkan kepada transkripsi temu bual dengan keseluruhan jawapan mereka seperti kenyataan;

“Setakat ni memang guna dwibahasa lah, bahasa Melayu dan Arab”

Manakala bagi informan 2 dan 3 memberikan jawapan yang sama dengan menyatakan bahawa mereka juga menggunakan dwibahasa dalam pengajaran akan tetapi mereka kerap menggunakan ayat-ayat bahasa Arab yang mudah dan ringkas bagi memudahkan kefahaman murid. Ini berdasarkan kepada transkripsi temu bual seperti kenyataan;

“Memang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya, akan tetapi masih selit-selitkan perkataan ataupun ayat-ayat arahan mudah supaya mereka cepat faham”

Hal ini menunjukkan bahawa, apabila seseorang guru itu tidak sepenuhnya menggunakan bahasa Arab di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, maka murid lebih sukar untuk menguasai kemahiran bertutur. Menurut Yaakob Hasan et al. (2022) menyatakan bahawa para pendidik dalam kalangan guru bahasa Arab perlu menekankan penggunaan bahasa Arab sepenuhnya dan menekankan elemen bertutur sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, dorongan serta pendedahan bahasa Arab ini perlu diberikan dengan lebih meluas oleh guru-guru bahasa Arab. Motivasi pelajar untuk bertutur meningkat apabila guru menjadi model penggunaan bahasa yang baik dan konsisten dalam kelas (Zainuddin et al., 2019)

Galakan Kepada Murid Untuk Bertutur Bahasa Arab

Guru bahasa Arab perlu kerap memberi galakan kepada murid untuk menggunakan bahasa Arab tidak kira di dalam atau di luar kelas. Nahar dan Abd. Rahman (2018) mencadangkan agar persekitaran bahasa dibentuk dan dicipta dengan menggunakan kepelbagaian aktiviti yang melibatkan bahasa kedua, serta mencadangkan agar pelajar diberikan sokongan dan galakan untuk berusaha sendiri dalam menguasai kemahiran berkomunikasi.

Dari sudut galakan kepada murid menggunakan bahasa Arab, pengkaji mendapati bahawa terdapat perbezaan dari sudut kaedah guru memberi galakan kepada murid-murid. Bagi Informan 1,2 dan 4 menyatakan bahawa galakan diberikan hanya terhad di dalam kelas sahaja, akan tetapi masih belum dilaksanakan di luar kelas. Ini berdasarkan kepada kenyataan mereka seperti;

“Saya memberi mereka galakan di dalam kelas sahaja, di luar kelas masih belum terlaksana lagi setakat ni”

Menurut informan 3 pula menyatakan bahawa kaedah yang digunakan adalah dengan meminta murid bercakap dalam bahasa Arab sebelum pembelajaran bermula. Ini berdasarkan kenyataannya;

“Sebelum mula kelas tu, memang biasanya saya akan suruh mereka cuba untuk bertutur bahasa Arab, tak banyak pun sedikit pun takpa”

Menurut informan 5 dan 7 pula menyatakan jawapan yang sama iaitu dengan menggalakkan murid mereka untuk meminta izin guru dengan menggunakan bahasa Arab. Ini berdasarkan kenyataan seperti;

“Biasanya saya galakkan murid-murid ni bila nak minta izin guru contohnya macam nak pergi ke tandas ke, wajib bertutur bahasa Arab. Bukan apa, Cuma nak melatih murid-murid ni tak malu untuk bertutur bahasa lain dan lebih yakin dan berani”

Menurut informan 6 pula menyatakan, galakan diberikan kepada murid dengan cara mereka perlu memulakan ucapan bahasa Arab apabila bertemu dengan guru. Bagi murid yang kerap bertutur menggunakan bahasa Arab juga akan diberikan hadiah sebagai motivasi dalam diri murid. Ini berdasarkan kenyataannya;

“Saya selalu galakkan murid-murid ni kalau bertembung ke mereka kena mulakan dengan perkataan contohnya Ahlan Wasahlan, Kaifa Haluka dan sebagainya lah. Bila murid ni kerap kali bertutur bahasa Arab, kebiasaannya saya akan beri hadiah supaya diorang lebih bersemangat nak cakap bahasa Arab”

Menurut informan 8 pula, galakan diberikan dengan melaksanakan minggu bahasa Arab untuk mewajibkan setiap murid bertutur bahasa Arab pada minggu tersebut. Selain itu juga, galakan diberikan dengan meminta murid untuk menyertai apa jua jenis pertandingan bertutur bahasa Arab melalui program Kemahiran Amal Islami (KAMIL) yang kerap diadakan setiap tahun. Ini berdasarkan dengan kenyataannya;

“Kami panitia bahasa Arab memang mengadakan minggu bahasa Arab setiap bulan. Jadi dengan adanya minggu tu, dari situ kita wajibkan murid-murid ni untuk bertutur bahasa Arab. Kadang kita galakkan murid-murid ni sertai program KAMIL, sebab banyak aktiviti bertutur antaranya aktiviti syarahan, bercerita dalam bahasa Arab, jadi dari situ kita dapat latih murid-murid ni untuk bercakap bahasa Arab lah”

Oleh itu, guru-guru perlulah berusaha untuk memberikan galakan dan sokongan yang penuh dalam diri murid agar mereka lebih terdorong untuk membudayakan bahasa Arab sebagai bahasa yang perlu untuk mereka kuasai. Akan tetapi, kebanyakan murid pada hari ini masih lagi tidak dapat menguasai kemahiran bertutur. Menurut kajian Mohd Rosdi Ismail dan Mat Taib Pa (2006), penguasaan pertuturan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah agama di negara kita ini secara umumnya masih berada di tahap lemah yang perlu ditangani dan diselesaikan dengan sebaik mungkin.

Punca Murid Kurang Menguasai Kemahiran Bertutur Bahasa Arab

Berdasarkan kepada temu bual yang dibuat, informan 1, 2, 3, 5, 6, 7 dan 8 menyatakan bahawa, punca kurang menguasai kemahiran bertutur apabila guru dan ibu bapa hanya tertumpu kepada

kecemerlangan dalam peperiksaan sahaja. Ini berdasarkan kepada keseluruhan kenyataan mereka seperti;

“Kami guru ni memang akui lebih tumpukan pada kecemerlangan murid-murid dalam kecemerlangan dalam peperiksaan, begitu juga ibu bapa. Kiranya kurang memberi penekanan kepada aspek pertuturan”

Manakala informan 4 pula menyatakan bahawa punca murid masih tidak dapat menguasai kemahiran bertutur bahasa Arab adalah disebabkan rancangan hiburan kanak-kanak hari ini yang kurang memberi pendedahan dalam bahasa Arab. Selain itu, ibu bapa yang lebih kerap menggunakan bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris di rumah yang mana persekitaran dirumah yang kurang membantu. Ini berdasarkan kepada kenyataannya;

“Saya lihat rancangan televisyen hiburan kanak-kanak memang kurang ataupun boleh kata takde pun yang menggunakan bahasa Arab. Sebab tu murid-murid ni tak biasa dengan bahasa Arab. Tambahan pulak ibu bapa di rumah pun memang lebihkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Memang jaranglah kita dengar guna bahasa Arab kan”

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa tahap kemahiran bertutur murid-murid masih pada tahap yang rendah dan masih perlukan galakan, sokongan serta persekitaran yang membantu tidak kira di sekolah mahupun di rumah. Perkara ini disokong oleh kenyataan daripada pihak guru bahasa Arab di Pondok Moden Darussalam Gontor yang mana keseluruhan murid-murid di sana telah mencapai tahap kemahiran bertutur bahasa Arab yang tinggi hasil daripada dorongan dan sokongan padu yang diberikan oleh pihak guru serta murid-murid yang tekun dalam usaha untuk memahami dan menguasai kemahiran bertutur bahasa Arab dengan baik (Temu bual guru-guru; Gontor 14 Mei 2024).

Persekitaran Bahasa Arab di Luar Kelas

Berdasarkan hasil temu bual, pengkaji mendapati terdapat persamaan jawapan yang diberikan oleh keseluruhan informan berkenaan dengan persekitaran bahasa Arab di luar kelas. Mereka menyatakan bahawa, persekitaran bahasa Arab di luar kelas masih tidak memuaskan seperti belum adanya papan kenyataan bahasa Arab yang meluas. Ini berdasarkan kenyataan mereka seperti;

“Setakat ni persekitaran di luar kelas memang kurang lah. koridor, dinding-dinding, tangga, segala papan kenyataan masih belum ada lagi berkaitan bahasa Arab. Kalau ada pun memang masih tak membantu lagi”

Dalam hal ini Zaki et al. (2024) menjelaskan pengalaman Pondok Moden Darussalam Gontor (PMDG) dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum berasaskan bahasa Arab seperti perbahasan, pidato dan lakonan dapat membina keyakinan diri pelajar untuk bertutur dan berinteraksi dalam bahasa Arab secara lebih efektif. Selain itu, tenaga pengajar di PMDG juga memainkan peranan yang penting dalam membimbing pelajar dengan melaksanakan pendekatan pengajaran yang berasaskan disiplin dan keterlibatan aktif dalam aktiviti akademik dan kokurikulum (Hassan & Widodo, 2023).

Penggunaan Bahasa Arab dalam Kalangan Kakitangan Sekolah

Antara faktor lain adalah dari sudut penggunaan bahasa Arab dalam kalangan kakitangan sekolah. Berdasarkan kepada temu bual yang dijalankan, keseluruhan informan menyatakan jawapan yang sama yang mana dalam kalangan kakitangan sekolah hanya menggunakan

bahasa Melayu sahaja dan masih belum ada pembudayaan bahasa Arab. Ini berdasarkan kepada kenyataan mereka seperti;

“Setakat ni dalam kalangan kakitangan sekolah memang guna bahasa Melayu sahaja lah, memang takda lagi bahasa Arab. Belum ada pembudayaan bahasa Arab lagi dalam kalangan mereka”

Cabaran Mewujudkan Persekitaran Bertutur Bahasa Arab

Pelbagai cabaran yang dihadapi oleh pihak sekolah dalam mewujudkan persekitaran bertutur bahasa Arab. Keseluruhan informan menyatakan jawapan yang sama yang mana antara cabaran yang dihadapi adalah dari sudut masa untuk subjek bahasa Arab yang terhad serta aktiviti sekolah yang terlalu padat. Selain itu juga mereka menyatakan, antara cabaran lain ialah guru subjek lain masih kurang membantu untuk mewujudkan persekitaran bertutur bahasa Arab di sekolah. Ini berdasarkan kepada kenyataan yang mereka berikan menerusi temu bual iaitu;

“Untuk subjek bahasa arab ni, dari sudut masa memang sangat terhad. Guru-guru hanya ada tiga waktu sahaja diberikan untuk subjek bahasa Arab. Jadi memang tak sempat nak melatih murid untuk bertutur disamping perlu kejarkan silibus subjek”

“Selain tu jugak, SRAI ni terutamanya memang sangat sibuk, dengan aktiviti kurikulum lah, sukan lah, jadi murid-murid ni terkejar-kejar, susah nak dapat peluang untuk wujudkan suasana bertutur bahasa Arab tu”

“Guru-guru subjek lain pun kurang membantu, pernah juga kita adakan minggu bahasa Arab, sepatutnya guru subjek lain pun kena usaha budayakan bahasa Arab, tapi memang kurang lah daripada mereka”

Oleh itu, persekitaran bertutur alua Arab sememangnya memerlukan kepada panduan yang jelas dan terancang kerana pelbagai alua yang boleh mempengaruhi kepada kelemahan dalam membentuk persekitaran bertutur alua Arab. Justeru, amat penting bagi seluruh pihak sekolah tidak kira murid, guru, kakitangan serta pihak pengurusan sekolah berganding bahu dalam memupuk serta membudayakan persekitaran bertutur alua Arab dengan jayanya. Perkara ini juga disokong menerusi perkongsian daripada guru alua Arab Pondok Moden Darussalam Gontor yang mana kejayaan mereka dalam membentuk persekitaran bertutur alua Arab di sekolah alua hasil daripada alua ma seluruh pihak sekolah samada guru, murid, pihak pengurusan serta kakitangan sekolah (Temu bual guru-guru; Gontor 14 Mei 2024).

Sukatan Matapelajaran di SRAI

Mereka juga menyatakan terdapat dwikurikulum ataupun dua jenis sukatan bagi matapelajaran alua Arab di SRAI iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), dan Kurikulum Sekolah Rendah Agama (KSRA) dibawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bagi melengkapi keperluan murid dari segi akademik dan agama. Ini berdasarkan kepada transkripsi temu bual dengan purata keseluruhan guru memberikan jawapan yang sama seperti kenyataan;

“ Di SRAI ni ada dua silibus bagi subjek alua Arab iaitu KSSR dan KSRA yang mana KSSR lebih kepada komunikasi iaitu menekankan aspek perbualan ringkas, manakala untuk KSRA pulak lebih menekankan aspek nahu dan sorof kiranya lebih sukar sikit lah. Akan tetapi alua ikutkan kedua-dua silibus ni saling menguatkan antara satu sama lain”

Menerusi kajian daripada Mohd Izzuddin et. al, (2016), sekolah integrasi di negeri Selangor mempunyai dua jenis sukatan matapelajaran KSSR dan KSRA adalah bertujuan untuk mencapai hasrat kerajaan negeri Selangor untuk meningkatkan kualiti pendidikan Islam berdasarkan resolusi Tonggak ke 10 YAB Menteri Besar Selangor dalam meningkatkan penghayatan, kefahaman Islam dan moral melalui pendidikan bersepadu serta menyeluruh dalam kalangan murid di peringkat pendidikan rendah. Berdasarkan kepada kenyataan tersebut, walaupun guru SRAI telah dibekalkan dengan sukatan pengajaran bahasa Arab yang amat baik, akan tetapi masih kurang membantu dari segi penguasaan kemahiran bertutur dalam kalangan murid.

Kewujudan Model Persekitaran Bertutur Bahasa Arab

Berdasarkan hasil temu bual, pengkaji mendapati bahawa semua informan menyatakan masih belum wujud model persekitaran bertutur bahasa Arab di SRAI. Ini berdasarkan kepada transkripsi temu bual dengan keseluruhan jawapan mereka seperti kenyataan;

“Masih belum ada model yang khusus di sekolah kami”

Kesimpulan

Menerusi kajian yang telah dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa masih tidak ada lagi satu kerangka model persekitaran bertutur bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor. Tahap kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan murid dan persekitaran sekolah masih memerlukan kepada penambahbaikan dalam usaha meningkatkan penguasaan kemahiran bertutur. Selain itu juga, kerjasama dari seluruh pihak sekolah adalah amat penting dalam membudayakan serta mewujudkan persekitaran bertutur bahasa Arab di sekolah. Oleh itu, usaha dalam mewujudkan persekitaran bertutur bahasa Arab di sekolah ini dapat diketengahkan dan diterima dengan baik oleh semua pihak agar natijahnya murid-murid akan terdidik untuk menguasai kemahiran bertutur bahasa Arab bermula di peringkat sekolah rendah lagi.

Penghargaan

Artikel ini merupakan hasil kajian bertajuk Model Persekitaran Bertutur Bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor. Penghargaan kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor sebagai pemberi dana penyelidikan iaitu kategori Geran Penyelidikan Negeri Selangor (GPNS), SUK/ GPNS/ 2023/ PKS/ 04.

Rujukan

- Adnan Mat Ali, Mohamad Syukri Abd Rahman, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Ahmad Ismail & Mohd Kamal Radiman. Pelaksanaan Kemahiran Bertutur Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor. Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD). 2017.
- Azman & Goh. Situasi Pembelajaran Bahasa Asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan Antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Perancis. AJTLHE Vol. 2, No. 2, July 2010, 9-20. 2010.
- Hassan, M., & Widodo, A. (2023). *Peranan Guru dalam Meningkatkan Kemahiran Bahasa Arab di Pesantren*. Yogyakarta: UII Press.
- Kamarulzaman, A.G., Ahmed Thalal, H.H., Ahmad, A.R., Mohd Aderi, C.N., Muhd Zahiri, A.M., Zawawi, I., Azmil, H., Saifuddin, H., Rohaidi, H. & Siti Apipah Munirah, S.

- Persekitaran bahasa Arab dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini di SABK. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, 2289–8042, (Special Issue): 644-656. (2018).
- Marinah Awang, Mohd Ezrizal Zakaria & Ramlee Ismail. Hubungan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah dan Kesejahteraan dan Kesselesaian Pembelajaran dan Pengajaran Universiti Pendidikan Sultan Idris. Vol 7, No 1. 86-99. 2018.
- Mohamad Albaree, A., Norhafizi, M.A., Iylia, M., Fairuz, A.H., Nurul Akma, J., Nur Ain, F.K. & Hashari, I. Pengaruh Persekitaran Pembelajaran Dalam meningkatkan Perkembangan Emosi Kanak-Kanak Tadika: Satu Kajian Kes. Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, Vol. 12, No. 2, 2-9. 2003.
- Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Mohamad Syukri Abd Rahman, Ahmad Ismail, Adnan Mat Ali, Mohd Kamal Radiman & Julia Madzalan. Pelaksanaan Kemahiran Mendengar Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor. Attarbawiy Malaysian Online Journal Of Education. Vol 1, No 2, 44-49. 2016.
- Mohd Rosdi Ismail & Mat Taib Pa. Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. (Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006).
- Nahar, N., & Abd. Rahman, F. Tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 8(1), 74-83. 2018.
- Nurul Afiqah Mohd Rizan & Harun Baharudin. Tahap Pengetahuan Kosa Kata Dan Pencapaian Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Pelajar Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Selangor. International Conference on Business Studies and Education (ICBE). 42-53. 2021.
- Nurul Ain Hasan, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, & Fariza Khalid. Kaedah pentaksiran bagi kemahiran lisan dalam pengajaran bahasa Arab sekolah rendah. Advanced Research in Islamic Studies and Education, 2(4), 85–105. 2022.
- Temu bual guru-guru Pondok Moden Darussalam Gontor. 14 Mei 2024.
- Yaakob bin Hasan, Abdul Razif bin Zaini & Nur Faezah binti Hamidin. Cadangan untuk membangunkan kemahiran bertutur pelajar bukan bahasa Arab asli di sekolah dan universiti Malaysia. Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Linguistik Arab Dan Ketamadunan Siri (3). 214-221. 2022.
- Zainuddin, S. Z. B., Pillai, S., Dumanig, F. P., & Phillip, A. (2019). *The role of teachers in motivating students to learn English as a second language in Malaysia*. Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education, 11(2), 29–41.
- Zaki, M., Ashari, R., & Ridho, A. M. A. (2024). *Analysis of leadership styles on educational management at Pondok Modern Darussalam Gontor*. Jurnal Madinasika: Manajemen Pendidikan dan Keguruan, 6(1), 1–11.